

TAJUK 1 : PERPULUHAN

Standard Kandungan : 1.1 Nombor perpuluhan

Standard Pembelajaran : Pada akhir PdPc ini, murid berupaya :

- 1.1.1 Menyebut, membaca, dan menulis sebarang nombor perpuluhan.
- 1.1.2 Menukar nombor pecahan sehingga perseratus kepada bentuk perpuluhan dan sebaliknya.
- 1.1.3 Membandingkan nilai dua nombor perpuluhan.

NILAI TEMPAT					
puluh	sa	perpuluhan	persepuluh	perseratus	perseribu
2	8	.	0	9	3

Sebutan perlu disertakan dengan nilai tempat

Sebut nombor 1 per 1 tanpa nilai tempat

Contoh : Tulis nombor di bawah dalam perkataan atau angka.

1. 28.093 = Dua puluh lapan perpuluhan sifar sembilan tiga
2. 3.78 = Tiga perpuluhan tujuh lapan
3. 0.05 = Sifar perpuluhan sifar lima

MENUKAR PECAHAN KEPADA PERPULUHAN

Contoh : $\frac{3}{5}$

Operasi bahagi :
 $3 \div 5 = 0.6$

MENUKAR PERPULUHAN KEPADA PECAHAN

Contoh : 0.3 $\longrightarrow$ $\frac{3}{10}$

1 titik perpuluhan – persepuluh
2 titik perpuluhan – perseratus

MEMBANDINGKAN DUA NOMBOR PERPULUHAN

7	.	5	
7	.	1	5

Jawapan : 7.15 lebih kecil daripada 7.5.

Contoh : Antara 7.5 dan 7.15 yang manakah lebih kecil?

Bandingkan nombor dari sebelah kanan ke kiri

Nama :

Kelas :

LATIHAN : PERPULUHAN

1. Tukar nombor perpuluhan di bawah kepada angka atau perkataan.

- a) 45.702
- b) 0.09
- c) Dua puluh tiga perpuluhan sifar sifar enam
- d) Sifar perpuluhan lima lapan
- e) 13.068

2. Nyatakan nilai digit dan nilai tempat bagi nombor yang digariskan.

NOMBOR	NILAI TEMPAT	NILAI DIGIT
a) 0.5 <u>7</u>		
b) <u>9</u> .36		
c) <u>3</u> 3.48		
d) 17.5 <u>2</u>		
e) <u>2</u> 80.62		

3. Padankan soalan dengan jawapan yang betul.

a) $\frac{1}{2}$

0.5
1.2

b) $\frac{2}{5}$	2.5
	0.4
c) $\frac{3}{8}$	0.35
	0.375

4. Tukar perpuluhan kepada pecahan.

- i. 4.07
- ii. 0.2
- iii. 0.03
- iv. 5.5
- v. 0.7

Jawapan	
U	$\frac{1}{5}$
O	$5\frac{1}{2}$
S	$\frac{7}{10}$
K	$4\frac{7}{100}$
D	$\frac{3}{100}$

Susun huruf berdasarkan jawapan dengan menarik masuk huruf ke dalam kotak yang disediakan.

i.	ii.	iii.	iv.	v.

5. Berikut merupakan lima nombor perpuluhan.

6.7	6.27	7.5	7.05	6.43
-----	------	-----	------	------

- a) Nombor terkecil :
- b) Susun nombor mengikut turutan menurun :

--	--	--	--	--